

03/05/2001

2,000 veteran sertai ulang tahun parti

KUALA LUMPUR, Rabu - Lebih 2,000 ahli veteran Umno dijangka menghadiri Majlis Memperingati Perjuangan Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), sempena menyambut hari kelahiran parti itu yang ke-55, 11 Mei ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dan berdialog, khususnya dengan ahli veteran di majlis yang menghimpunkan lebih 3,500 pemimpin termasuk ahli Umno dari seluruh negara itu.

Pengerusi Veteran Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, berkata kalangan veteran yang akan berkumpul buat pertama kalinya dalam satu majlis sebesar itu terdiri daripada tokoh dan mereka yang banyak berjuang untuk Umno.

"Mereka ini adalah golongan yang berjuang melalui pelbagai pengalaman pahit-manis sejak Umno ditubuhkan pada 1946. Ia juga adalah pertemuan Presiden Bersama Veteran.

"Majlis ini adalah tanda penghargaan Umno kepada pengorbanan ahli veteran parti yang banyak berbakti. Mereka adalah nadi kepada pencapaian Umno dan negara sekarang," katanya kepada umno.online.

Beliau berkata, ia juga bukti golongan tua atau veteran dalam Umno tidak pernah diketepikan dalam sebarang kegiatan parti. Malah, mereka ini terus memainkan peranan penting dan menjadi sumber rujukan kepada perjuangan masa depan parti.

(END)